

ACTIHIST TABLET

Triprolidone Hydrochloride/Pseudoephedrine hydrochloride (2.5mg/60mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Actihist Tablet
2. Bagaimana Actihist Tablet berfungsi
3. Sebelum mengambil Actihist Tablet
4. Cara menggunakan Actihist Tablet
5. Semasa menggunakan Actihist Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Actihist Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Actihist Tablet

Ia digunakan untuk memberi kelegaan kepada kesesakan hidung dan sinus yang disebabkan oleh selesema dan rinitis (keradangan pada membran mukus di dalam hidung) alergi.

Bagaimana Actihist Tablet berfungsi

Ubat ini mengandungi dua bahan aktif:

- *Triprolidone Hydrochloride*, sejenis antihistamina, yang menghalang tindakan histamina, dengan itu membantu untuk menghentikan bersin dan hidung berair.
- *Pseudoephedrine Hydrochloride*, adalah sejenis dekongestan yang berfungsi dengan mengecutkan saluran darah di dalam salur pernafasan untuk mengurangkan bengkak dan kesesakan hidung.

Sebelum menggunakan Actihist Tablet

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil ubat ini jika:

- anda alah kepada mana-mana bahan yang disenaraikan pada penghujung risalah ini.

Ubat ini tidak sepatutnya bagi kepada bayi pra-matang dan kanak-kanak yang baru dilahir.

Sekiranya anda tidak pasti sama ada anda perlu mula mengambil ubat ini, bincang dengan ahli farmasi atau doktor anda.

- Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika:

- anda mempunyai penyakit jantung atau tekanan darah tinggi.
- anda menghidapi asma
- anda mengambil ubat untuk kemurungan dikenali sebagai *Monoamine Oxidase Inhibitors* (MAOIs).
- anda mempunyai masalah kelenjar tiroid yang terlalu aktif.
- anda mempunyai diabetes
- anda mempunyai glaukoma (peningkatan tekanan dalam bola mata)
- anda mempunyai masalah buah pinggang
- anda mempunyai ulser peptik (luka pada lapisan esofagus, perut, atau usus kecil)

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Actihist Tablet boleh menjejaskan atau dipengaruhi oleh ubat-ubatan lain yang anda ambil. Beritahu doktor atau pegawai farmasi sekiranya anda sedang mengambil apa-apa ubat lain, dalam apa-apa bentuk yang dibeli atau diperolehi tanpa preskripsi.

Ia termasuklah:

- Ubat untuk tekanan darah tinggi (*Methyldopa, guanethidine, beta blocker*)
- Ubat untuk kemurungan (*tricyclic antidepressant*)
- Alkohol
- Antimuskarinik
- Ubat ototoksik (kerusakan di dalam telinga)

Interaksi lain yang tidak dinyatakan mungkin berlaku. Bincang dengan doktor atau ahli farmasi jika anda mempunyai sebarang kebimbangan lain.

Cara menggunakan Actihist Tablet

- Berapa banyak harus digunakan

Patuhi semua arahan yang diberikan kepada anda oleh doktor dan pegawai farmasi anda dengan berhati-hati. Arahan tersebut mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda.

Dewasa

Sebiji tablet tiga kali sehari seperti yang diperlukan.

Kanak-kanak

Di bawah 6 tahun: Tidak disyorkan.

6 hingga 12 tahun: Separuh tablet tiga kali sehari seperti yang diperlukan.

Orang tua mungkin lebih sensitif terhadap kesan-kesan dos biasa bagi orang dewasa.

Doktor akan melaraskan dos penggunaan ubat bergantung kepada umur dan gejala anda.

- Bila perlu digunakan

Ubat ini boleh diambil dengan makanan, minuman atau susu untuk mengurangkan kerengsaan perut.

Ambil ubat anda sepertimana yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Anda dinasihatkan untuk mengambil Actihist Tablet seberapa lama yang diberitahu oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Dapatkan nasihat doktor atau pegawai farmasi anda mengenai apa yang perlu anda lakukan jika anda terlupa menggunakannya.

ACTIHIST TABLET

Tripolidone Hydrochloride/Pseudoephedrine hydrochloride (2.5mg/60mg)

Jika anda terlupa, ambil ubat dengan secepat mungkin setelah anda ingat. Tinggalkan dos tersebut jika hampir masa untuk mengambil dos yang seterusnya. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlepas.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat anda, jika anda fikir anda atau sesiapa sahaja yang mungkin telah mengambil terlalu banyak ubat ini. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Jika anda mengambil terlalu banyak, ubat ini boleh menyebabkan anda sakit kepala, loya kadar, muntah, kekeringan mulut, peningkatan kadar degupan jantung, masalah pernafasan dan koma.

Semasa menggunakan Actihist Tablet

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor:

- Jika anda mengalami apa-apa reaksi alahan / kesan sampingan yang tidak diingini semasa mengambil ubat.
- Jika anda hamil semasa mengambil ubat ini

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil Actihist Tablet.

Ambil ubat anda sepertimana yang telah diberitahu oleh doktor anda.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan:

- berikan Actihist Tablet kepada orang lain, walaupun mereka mengalami tanda-tanda yang sama seperti anda.
- ambil ubat ini untuk merawat masalah lain kecuali telah diberitahu oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- mengambil lebih daripada dos yang disyorkan kecuali ahli farmasi atau doktor anda memberitahu anda.
- berhenti mengambil ubat ini sebelum bertanya pada doktor anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan mesin

Actihist Tablet boleh menyebabkan rasa mengantuk pada kebanyakan orang. Jangan memandu atau menggunakan jentera sehingga anda yakin yang diri anda tidak terjejas dengan kesan ubat ini.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat lain, Actihist Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan yang tidak diingini, walaupun bukan semua orang akan mendapat kesan tersebut. Kesan sampingan boleh menjadi serius.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda fikir anda sedang mengalami sebarang kesan sampingan yang tidak diingini semasa mengambil ubat ini seperti;

- mengantuk
- insomnia
- retensi air kencing,
- loya
- muntah
- reaksi alahan

Kesan sampingan lain yang tidak tersenarai mungkin boleh berlaku. Beritahu doktor anda dengan cepat.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers→Reporting*)

Cara penyimpanan dan pelupusan Actihist Tablet

- Penyimpanan

Jauh daripada kanak-kanak. Simpan di bawah 25°C. Lindungi daripada cahaya dan kelembapan.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet putih, tidak bersalut dengan permukaan cembung cetek, bergores dengan cetakan timbul "HD" pada permukaan yang sama.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan-bahan Aktif
Setiap tablet mengandungi:
Tripolidine HCl
Pseudoephedrine HCl

- Bahan-bahan Tidak Aktif
Sodium starch glycolate
Lactose monohydrate
Magnesium stearate.
Cornstarch
Polyvinylpyrrolidone

- Nombor MAL

MAL19920611AZ

Pengilang

HOVID Bhd.
Lot 56442, 7 ½ Miles,
Jalan Ipoh / Chemor,
31200 Chemor,
Perak.

ACTIHIST TABLET

Triprolidone Hydrochloride/Pseudoephedrine hydrochloride (2.5mg/60mg)

Pemegang Pendaftaran Produk

HOVID Bhd.

121, Jalan Tunku Abdul Rahman,

30010 Ipoh, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

19/01/2016

Nombor Siri

BPFK(R4/1)140715/00192